

**NO. SOALAN : 531**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**  
**[ BATU PAHAT ]**

**SOALAN :**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan projek Perumahan Generasi Kedua FELDA, bila akan dilaksanakan, berapa ramai yang mendapat faedah dan bagaimana memastikan janji itu ditepati.**

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) sudah dimulakan dan mensasarkan 20,000 buah unit rumah dibina dari 2013 sehingga 2017 untuk generasi baharu di rancangan-rancangan FELDA yang terpilih.

Jumlah Rumah dalam Pembinaan	8,420 unit
Lokasi	48 Tanah FELDA

Sehingga kini, sebanyak 8,420 unit sedang dibina. Baki sebanyak 11,580 unit sedang di dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam masa terdekat. Pembinaan 20,000 buah unit PGBF ini dijangka akan memberi manfaat kepada 140,000 isi rumah warga peneroka FELDA.

Bagi memastikan perlaksanaan PGBF ini ditepati, perancangan yang teliti pada peringkat pra-rancang dibuat dengan FELDA menubuhkan syarikat Perumahan FELDA Sdn Bhd ( PFSB ), khusus untuk menguruskan perlaksanaan pembangunan dan pengagihan 20,000 unit PGBF ini sehingga ke golongan sasar.

Sekian. Terima kasih.